

# Penyakit Kanker

## PUNCA

- Penyakit ini disebabkan oleh kulat *Phytophthora palmivora*. Kulat ini menyerang pokok koko pada musim hujan. Dalam keadaan yang sesuai ia merebak dengan cepat dan berupaya membunuh pokok koko dalam beberapa hari sahaja.

## SIMPTOM

- Terdapat tompok-tompok yang lembab pada kulit di bahagian pangkal batang pokok koko
- Apabila bahagian tersebut dikikis, terdapat lecur berwarna keperangan dan bertukar menjadi perang tua apabila terdedah kepada udara.
- Dalam jangkitan yang serius pengaliran air dari akar akan terganggu dan daun-daun akan layu dan menjadi kuning dan kekeringan.

## PENYEBARAN

- Kulat penyakit ini memerlukan air atau kelembaban bagi menghasilkan sporangia. Sporangia ini mengandungi zoospora yang mampu berenang di dalam air sebelum menjangkiti pokok koko.
- Percikan air hujan dari tanah yang mengandungi sporangia dan klimidospora ke batang pokok koko membantu penyebaran kulat ini.
- Penyakit buah hitam juga merupakan sumber inokulum penyakit ini.

## PENGAWALAN

- Sistem pemaritan yang baik dan cantasan yang sesuai dapat mengurangkan kelembaban dan boleh mengurangkan jangkitan.
- Buah hitam perlu dibuang dan dimusnahkannya kerana ia merupakan sumber penyakit kanker.
- Kerap mengutip buah koko yang masak terutama di musim hujan supaya ia tidak dijangkiti oleh kulat ini.
- Bahagian batang yang dijangkiti hendaklah dikikis dan didedahkan kepada cahaya matahari. Pancaran UV dari cahaya

matahari dapat membunuh kulat ini.



**Gambar Simptom Penyakit**